



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN (TDA), ingin mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TARIKH MULA IKLAN	TARIKH TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP IKLAN
TDA/SH/6/2025	Kerja-Kerja Baikpulih Jalan Kg. Tekek, Pulau Tioman Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan.	Perakuan CIDB (SPKK, PPK & STB), GRED G2 (BUMIPUTERA)	RM 20.00	16 JUN 2025 (ISNIN) (Selepas Jam 12.00 tengah hari)	23 JUN 2025 (ISNIN) (Jam 11.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Teknikal, Lembaga Pembangunan Tioman, Kg. Tekek, Pulau Tioman.)	24 JUN 2025 (SELASA) (Selepas Jam 12.00 tengah hari) Hingga 01 JULAI 2025 (SELASA)	01 JULAI 2025 (SELASA) (Sebelum jam 12.00 tengah hari)
TDA/SH/7/2025	Kerja-Kerja Baikpulih Jalan Kg. Salang, Pulau Tioman Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan.	PENGKHUSUSAN: CE21, CE11 ATAU TAMBAHAN: B06	RM 20.00				
TDA/SH/8/2025	Membina Papan Tanda Iklan Di Setiap Kampung Pulau Tioman.	Perakuan CIDB (SPKK, PPK & STB), GRED G1 (BUMIPUTERA) PENGKHUSUSAN: CE21, CE11, CE13 ATAU TAMBAHAN: B06	RM 20.00				

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada Kontraktor Gred G1 dan G2, Kelas Pengkhususan CE21, CE11, CE13 atau tambahan B06 / Syarikat / Entiti Perniagaan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang yang berkaitan.
2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. **Pemilik syarikat atau wakil syarikat yang sah iaitu penama-penama yang berdaftar didalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja DIWAJIBKAN** hadir ke taklimat dan lawatan tapak ini. Bagi wakil syarikat, **SURAT WAKIL** adalah diperlukan. Kontraktor perlulah **mendaftar kehadiran** terlebih dahulu dengan Lembaga Pembangunan Tioman pada hari taklimat dan lawatan tapak dijalankan. Sila bawa sijil-sijil syarikat yang berdaftar semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak.
3. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada pemilik syarikat atau wakil syarikat yang sah. Wakil syarikat hanya sah untuk **satu (1)** syarikat sahaja. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas boleh membuat pembayaran secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke dalam akaun Lembaga atau pembayaran secara *paywave* semasa pembelian dokumen sebut harga.
4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri **nombor sebut harga** dan **tajuk sebut harga** tanpa apa-apa pengenalan di luarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas pada **01 JULAI 2025 (SELASA) sebelum jam 12.00 tengah hari** di alamat berikut:

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
No. 1 , Jalan Besar Tanjung Gemok 1, Telok Gading,
26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur.

5. Pihak **Lembaga Pembangunan Tioman** tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI JUMSHOIRY NOVDANY BIN MOHD SULAIMAN, AAP.)
Pengurus Besar
Lembaga Pembangunan Tioman